SOH THONG HENG A

lwn.

SOH SOON HENG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR B
AHMAD NASFY PK
[SAMAN PEMULA NO: 24(L)-50-2008]
26 JANUARI 2012

PERKONGSIAN: *Kewujudan perkongsian - Pertikaian terhadap kewujudan - Sama ada perkongsian dibuktikan - Sama ada pekongsi berhak kepada akaun dan maklumat perkongsian - Sama ada Akta Perkongsian 1961 membenarkan perlantikan pekongsi lain sebagai pengurus bersama pengurus sedia ada - Akta Perkongsian 1961, ss. 26 & 30* C D

Plaintif dan defendan, masing-masing adalah anak ketiga dan anak bongsu daripada lima adik-beradik, di mana selepas ayah mereka diserang angin ahmar, defendan telah dilantik untuk menguruskan hartanah ayah mereka yang terdapat dalam empat perkongsian. Defendan bersetuju untuk menyediakan semua akaun dan membahagikan keuntungan empat perkongisan tersebut kepada semua pekongsi. Walau bagaimanapun, selepas kematian ayah mereka, defendan mengeluarkan hampir kesemua wang termasuk modal kerja empat perkongsian tersebut dan memindahkan wang tersebut ke akaunnya. Defendan menyimpan semua akaun dan maklumat empat perkongsian tersebut dan pekongsi-pekongsi lain dinafikan hak untuk menyemak akaun empat perkongsian tersebut. Oleh itu, plaintif memfailkan permohonan, antara lain, untuk: (i) buku-buku perkongsian dan akaun yang telah diodit untuk Hock Seng Estate; (ii) akaun dan maklumat sepenuhnya tentang wang dan/atau aset Hock Seng Estate; (iii) segala bahagian keuntungan plaintif dalam Hock Seng Estate untuk tahun 2005 dan 2006; dan (iv) untuk mengadakan satu mesyuarat dengan pekongsi-pekongsi Hock Seng Estate untuk meluluskan dan atau melantik seorang lagi pekongsi, antara lain, untuk menguruskan Hock Seng Estate bersama defendan. Isu utama yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada Hock Seng Estate adalah suatu perkongsian. E F G H I

Diputuskan (membenarkan permohonan plaintif dengan kos):

(1) Jelas daripada afidavit-afidavit yang diikrarkan dan hujahan yang dikemukakan bahawa Hock Seng Estate adalah satu perkongsian. Tambahan, berdasarkan kepada *Lindley & Bank on Partnership* yang menyatakan bahawa "all proceedings … which had for their object the enforcement of the mutual rights and obligations of partners, had to be taken by some or one of the members of a firm individually against some other or other of them individually" jelas membenarkan plaintif memulakan tindakan ini. (perenggan 20)

(2) Seksyen 30 Akta Perkongsian 1961 ('Akta') memperuntukkan bahawa seorang pekongsi berhak kepada akaun. Dengan itu, sebagai seorang pekongsi, plaintif sememangnya berhak memohon perintah dan/atau relif tanpa perlu bergantung kepada apa-apa tindakan fraud atau pecah amanah seperti yang dinyatakan oleh defendan. Di dalam kes ini, plaintif bergantung kepada suatu hak statutori. Oleh itu fakta yang dipertikaikan oleh defendan bahawa kausa tindakan fraud dan/atau pecah amanah merupakan isu perbalahan yang harus dibuktikan melampaui keraguan munasabah dalam perbicaraan penuh adalah tidak relevan. (perenggan 20)

(3) Hock Seng Estate didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai sebuah perkongsian. Malah defendan sendiri telah mengakui di dalam akaun yang disediakannya bahawa wujud perkongsian bernama Hock Seng Estate dan terdapat keuntungan yang harus dibahagikan kepada pekongsi-pekongsi. Selanjutnya, s. 26 Akta tidak menghalang pelantikan pekongsi lain untuk menguruskan Hock Seng Estate bersama defendan kerana ia bukan pelantikan pekongsi baru tetapi pekongsi-pekongsi sedia ada. (perenggan 20)

Kes-kes yang dirujuk:

Akitek Bersatu v. Sempurna Cekap Sdn Bhd [2004] 7 CLJ 217 HC ***(dibezakan)***

Aw Yong Wai Choo & Ors v. Arief Trading Sdn Bhd & Anor [1991] 3 CLJ 2834; [1991] 2 CLJ (Rep) 294 HC ***(dirujuk)***

Mascom (M) Sdn Bhd & Anor v. Kamawang Enterprise Sdn Bhd & Anor [2006] 4 CLJ 775 CA ***(dirujuk)***

Tham Kim Fai v. Ng Kon Seong [2006] 4 CLJ 634 HC ***(dirujuk)***

United Oriental Assurance Sdn Bhd v. Penang Medical Centre Sdn Bhd [1999] 2 CLJ 583 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Partnership Act 1961, ss. 3, 6, 26(g), 30
Rules of the High Court 1980, O. 77 r. 1

Sumber-sumber yang dirujuk:
Lindley & Bank on Partnership, Sweet & Maxwell, 16th edn 1990, ms 508

Bagi pihak perayu - HY Lee; T/n Lee Han Yen & Co
Bagi pihak responden - CG Tan; T/n Soh Yok Lam & Co

Dilaporkan oleh Emm Zehra

PENGHAKIMAN

Ahmad Nasfy PK:

Rayuan

[1] Perayu/defendan ('defendan') telah memfailkan rayuan terhadap keputusan membenarkan permohonan responden/plaintif ("plaintif") dengan kos berkaitan saman pemula di lampiran 2.

Tuntutan Plaintif Di Lampiran 2

[2] Melalui lampiran 2, plaintif telah memohon perintah dan/atau relif seperti berikut:

a) Defendan hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perintah mahkamah yang mulia ini memberikan kepada plaintif buku-buku perkongsian dan suatu akaun yang telah di odit untuk Hock Seng Estate bermula dari tahun 2000 sehingga tarikh perintah mahkamah yang mulia;

b) Defendan hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perintah mahkamah yang mulia memberikan kepada plaintif akaun dan maklumat sepenuhnya tentang wang dan/ atau aset Hock Seng Estate.

c) Defendan hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perintah mahkamah yang mulia ini memberikan kepada plaintif segala bahagian keuntungan plaintif dalam Hock Seng Estate untuk tahun 2005 dan 2006 bersama faedah yang dikira pada kadar 8% setahun dari 1 Januari 2006 untuk keuntungan tahun 2005 dan dari 1 Januari 2007 untuk keuntungan tahun 2006 sehingga tarikh pembayaran penuh.

A d) Defendan hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh perintah mahkamah yang mulia memanggil dan/atau mengadakan suatu mesyuarat pekongsi-pekongsi untuk Hock Seng Estate untuk meluluskan dan/atau menjalankan berikut:

B i) Untuk melantik seorang lagi pekongsi untuk menguruskan Hock Seng Estate bersama defendan;

ii) Untuk memutuskan dan meluluskan terma-terma perlantikan pekongsi-pekongsi yang mengurus Hock Seng Estate serta menyediakan perjanjian perlantikan;

C

iii) Untuk membuka dan mengekalkan suatu akaun bank yang baru untuk Hock Seng Estate;

iv) Untuk melantik seorang lagi pekongsi bersama defendan untuk menandatangani semua cek Hock Seng Estate;

D

v) Untuk melantik seorang akauntan bertauliah untuk mengodit akaun tahunan Hock Seng Estate;

vi) Untuk meluluskan pembayaran keuntungan secara bulanan kepada pekongsi-pekongsi Hock Seng Estate;

E

vii) Secara am untuk meluluskan semua hal bagi tujuan menguruskan secara lebih sempurna dan/atau melancarkan pengurusan Hock Seng Estate.

F e) Ganti rugi untuk ditaksirkan oleh mahkamah yang mulia ini.

f) Kos permohonan ini ditanggung oleh defendan.

g) Lain-lain perintah dan/atau relif yang mana mahkamah yang mulia ini fikirkan perlu dan suai manfaat.

G

Afidavit-Afidavit Yang Telah Difailkan

[3] Bagi tujuan lampiran 2 ini, kedua-dua pihak masing-masing telah memfailkan afidavit-afidavit berikut:

H a) Afidavit yang diikrarkan oleh plaintif pada 16 Januari 2008 (lampiran 3).

b) Afidavit bantahan (1) defendan yang diikrarkan oleh defendan pada 30 Mac 2009 (lampiran 10).

I

c) Afidavit jawapan pertama plaintif yang diikrarkan oleh plaintif pada 15 Julai 2009 (lampiran 12). A

d) Afidavit bantahan (2) defendan yang diikrarkan oleh defendan pada 15 Oktober 2009 (lampiran 13).

e) Afidavit jawapan kedua (2) plaintif yang diikrarkan oleh plaintif pada 28 Disember 2009 (lampiran 15). B

f) Afidavit lanjutan plaintif yang diikrarkan plaintif pada 8 Ogos 2011 (lampiran 22).

g) Afidavit balasan tambahan defendan yang diikrarkan oleh defendan pada 22 Ogos 2011. C

Isu-Isu

[4] Bagi memutuskan relif-relif yang dipohon, mahkamah mendapati hanya terdapat satu isu sahaja yang berbangkit iaitu: D

Sama ada Hock Seng Estate suatu perkongsian.

Undang-Undang

E

[5] Menurut s. 3 Akta Perkongsian 1961:

> partnership is the relation which subsists between persons carrying on business in common with a view of profit.

Seksyen 6 Akta yang sama pula memperuntukkan bahawa "persons who have entered into partnership with one another are, for the purposes of this Act, called collectively a firm, and the name under which their business is carried on is called the firm-name". F

Dalam kes *Aw Yong Wai Choo & Ors v. Arief Trading Sdn Bhd & Anor* [1991] 3 CLJ 2834; [1991] 2 CLJ (Rep) 294, Peh Swee Chin J (sebagaimana beliau ketika itu) telah menghuraikan faktor-faktor yang relevan bagi menentukan sama ada wujud suatu perkongsian dengan menyatakan di ms 305 seperti berikut: G

H

> Further, in my view the relevant factors to be taken together for consideration are those happenings of the relation between the parties, that is all the relevant incidents of the relation including any written or verbal agreement, conduct of the parties at all times, and all surrounding circumstances.

I

A **Latar Belakang Fakta**

[6] Plaintif adalah anak ketiga daripada lima adik-beradik yang terdiri daripada Soo Ah Han @ Soo Tong Min (anak sulong), Soh Swee Ho (P) (anak kedua), Coris Soh Bee Lee (P) (anak
B keempat) dan defendan (anak bongsu).

[7] Antara tahun 1948 dan 1949, ayah mereka telah membeli lebih kurang 50 ekar tanah yang ditanami getah. Kemudian pada tahun 1955 dan 1956 ayah mereka membeli 64 ekar tanah lain. Sebelum defendan dilahirkan pada 5 Jun 1957, ayah mereka telah
C memiliki lebih kurang 114 ekar tanah getah. Seterusnya sekitar tahun 1964 hingga 1970, 30 ekar tanah dibeli, dan antara 1981 sehingga 1985 sebanyak 47 ekar lagi dibeli. Ayah mereka juga telah membeli dua buah kedai iaitu No. 5 Jalan Arab, Muar dan
D No. 55-12 Jalan Maharani, Muar serta 20% saham dalam Lian Heng Plantation Co. Jumlah hartanah yang dibeli lebih kurang 209 ekar. Saiz empat perkongsian tersebut adalah berjumlah lebih kurang 252 ekar. Hartanah-hartanah dalam empat perkongsian tersebut kesemuanya tidak jauh antara satu sama lain iaitu kawasan
E Bukit Pasir, Panchor dan Pagoh.

[8] Semasa mendiang ayah mereka masih hidup, beliau berniat untuk melantik anak sulung beliau iaitu Soo Ah Han @ Soo Tong Min untuk menguruskan empat perkongsian tersebut secara bersama-sama. Namun saudara mara dan kawan ayah mereka
F berpendapat Soo Ah Han @ Soo Tong Min yang berkelayakan Ph.D dalam Kejuruteraan Kimia dan memperolehi pendapatan S$7,000 sebulan sebagai pensyarah tidak wajar melepaskan jawatannya di Singapura untuk menetap di Muar bagi menguruskan perkongsian tersebut. Plaintif yang bekerja sebagai Pengurus
G Kawalan Kualiti di Enamelled Wire & Cable (S) Pte Limited dengan pendapatan antara S$4,000-S$5,000 sebulan telah dicadangkan untuk mengurus perkongsian tersebut tetapi beliau menolak walaupun ayahnya bersedia memberikan RM100,000 sebagai pampasan supaya melepaskan kehidupan di Singapura
H sebagai status penduduk tetap.

[9] Selepas ayah mereka mengalami angin ahmar pada bulan Julai 1999, ibu mereka telah melantik defendan sebagai pengurus empat perkongsian tersebut dengan gaji bersih RM3,000 sebulan.
I Defendan bersetuju untuk menyediakan semua akaun dan membahagikan keuntungan empat perkongsian tersebut kepada

semua pekongsi selewat-lewatnya pada Tahun Baru Cina tahun berikutnya seperti diakui oleh defendan dalam suratnya bertarikh 1 Disember 2008 kepada Soo Ah Han @ Soo Tong Min, plaintif dan mereka bersetuju dengan perlantikan defendan tersebut. Setakat tarikh ayah mereka meninggal semua hartanah telah dipindahmilik kepada waris-warisnya.

Menurut wasiatnya, Geran 4374 Lot 2001 Mukim Pengkalan Bukit dan OT 8710 Lot 2993 Township Bandar Maharani dengan rumah No. 91-4 Jalan Abdul Rahman, Muar yang belum dipindahmilik telah dibahagikan kepada lima anaknya dalam bahagian yang sama. (Surat eks. STH12 dan wasiat STH13).

[10] Antara tahun 1999 sehingga pertengahan 2002, defendan menguruskan empat perkongsian mengikut amalan perakaunan ayah mereka. Perbezaannya, defendan mendapat gaji sebagai Pengurus. Selepas ayah mereka meninggal, defendan mengeluarkan hampir semua wang termasuk modal kerja empat perkongsian tersebut meninggalkan baki lebih kurang RM21,000 sahaja dan memindahkan wang tersebut ke akaunnya.

[11] Pada pertengahan tahun 2002, defendan telah menamatkan perkhidmatan Soh Bee Lee sebagai kerani semasa hayat ayah mereka lagi tetapi kemudian menyambung semula perkhidmatan Soh Bee Lee dengan gaji yang dikurang RM200 sebulan dengan syarat beliau harus menyediakan semua rekod empat perkongsian atas arahan defendan. Namun pada November 2005, defendan telah menamatkan perkhidmatan Soh Bee Lee sekali lagi di hadapan plaintif kerana menunjukkan rekod perbelanjaan perkongsian kepada plaintif. Sejak dari itu, Soh Bee Lee tidak lagi menyediakan sebarang akaun perkongsian sebaliknya defendan menyimpan semua akaun dan maklumat empat perkongsian tersebut dan hanya menyediakan ringkasan akaun setiap perkongsian sahaja untuk ditaip oleh Encik Lim Jit Kin dari TCMK Consultancy untuk tujuan melaporkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

[12] Pekongsi-pekongsi telah dinafikan hak untuk menyemak akaun empat perkongsian termasuk membandingkan ringkasan akaun yang disediakan oleh defendan dengan segala dokumen-dokumen seperti bil dan resit yang berkaitan. Dengan itu, plaintif memfailkan permohonan di lampiran 2 untuk relif-relif berkaitan.

A **Hujahan Peguamcara Plaintif**

[13] Peguamcara plaintif berhujah bahawa Hock Seng Estate adalah jelas suatu perkongsian berdasarkan alasan-alasan berikut:

B a) Carian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia atas Hock Seng Estate yang diekshibitkan sebagai "STH1" dalam afidavit plaintif di lampiran 3 dan eks. "STH7" di lampiran 12 jelas menyatakan bentuk perniagaan Hock Seng Estate sebagai suatu perkongsian.

C b) Ekshibit "STH2" di lampiran 3 dan "STH8C" di lampiran 12 iaitu penyata akaun tahun 2003 telah dibutirkan "Bahagian Keuntungan Bagi Setiap Ahli Kongsi Tahun 2003".

c) Ekshibit "STH17" di lampiran 12 iaitu penyata akaun tahun
D 2007 dinyatakan "Distribution of Partner's Income For the Year 2007".

d) Penyata akaun untuk tahun 2008 eks. "STH17" di lampiran 12 juga dinyatakan "Division of Partners' Income".

E e) Saman No: 52-424-2005 yang difailkan oleh plaintif dan Soh Poh Hock terhadap defendan di Mahkamah Sesyen Muar (eks. "STH3" lampiran 3 dan "STH20" lampiran 22) untuk menuntut keuntungan pekongsi bagi tahun 2003 dan 2004 dari Hock Seng Estate (subjek Saman Pemula No. 24(L)-49-2008),
F Hock Seng Estate (subjek Saman Pemula No. 24(L)-50-2008), Oil Palm Estate G 4034 & EMR 837 (subjek Saman Pemula No. 24(L)-51-2008 dan kebun getah GHS 2433, 2434, 2444, 2445 dan 2446 (subjek Saman Pemula No. 24 (L)-52-2008) telah diputuskan bahawa Hock Seng Estate adalah suatu
G perkongsian.

f) Penghakiman terus (eks. "STH5" dan "STH6" lampiran 3 atau eks. "STH21A" dan "STH21B" lampiran 22) telah dimasukkan oleh Mahkamah Sesyen terhadap defendan pada
H 30 Oktober 2008. Rayuan defendan terhadap keputusan ini telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 12 November 2010 (eks. "STH22" lampiran 22). Defendan memohon kebenaran merayu di Mahkamah Rayuan tetapi telah ditolak pada 1 Julai 2011 (eks. "STH23" lampiran 22).

I

g) Saman Pemula No. 24(L)-49-2008 (eks. "STH19A" di lampiran 22) untuk perintah dan relif yang sama seperti dalam tindakan ini telah dibenarkan oleh mahkamah ini pada 28 Julai 2011 dengan kos RM3,000 (eks. "STH19B" lampiran 22).

h) Pihak defendan pernah mengakui dalam perenggan 4 pembelaan yang difailkan di Mahkamah Sesyen Muar Saman No. 52-424-2005 (eks. "STH9A" di lampiran 12) bahawa beliau yang menguruskan Hock Seng Estate. Sekali lagi defendan dalam perenggan 6(b) afidavit bantahan (1) lampiran 10 mengakui cuma menguruskan semua Hock Seng Estate.

[14] Dengan itu, plaintif berhak memohon perintah dan/atau relif seperti di lampiran 2.

Hujahan Peguamcara Defendan

[15] Peguamcara defendan berhujah bahawa sekiranya alegasi plaintif adalah benar sebagai pekongsi, sepatutnya beliau memulakan tindakan terhadap defendan atas nama perkongsian.

Dengan memulakan tindakan ini adalah kapasiti kediri (personal capacity), ia merupakan satu tindakan yang salah dan seharusnya dibatalkan atas alasan ketiadaan kedudukan undang-undang *(locus standi)* sebagaimana *Lindley & Bank on Partnership* telah menyarankan bahawa "That no suit in equity was maintainable by one partner against another in respect of a matter in which the firm was interested, without bringing all the members thereof before the court".

[16] Adalah "trite law" bahawa saman pemula bukannya satu cara memulakan tindakan guaman apabila kausa tindakan melibatkan frod (fraud) dan/atau pecah amanah (breach of trust) kerana kausa tindakan frod dan/atau pecah amanah merupakan isu perbalahan (being contentious issues) seharusnya dikehendaki dibuktikan melampau keraguan (beyond reasonable doubt) secara perbicaraan penuh dengan memanggil saksi-saksi dan bukannya melalui keterangan afidavit.

[17] Dalam kes ini, alegasi-alegasi bahawa defendan telah menggunakan wang perkongsian untuk menyelesaikan liabiliti dan perbelanjaan peribadinya tanpa kebenaran daripada plaintif tidak disokong oleh sebarang butiran sebagaimana diperlukan undang-undang. Oleh itu kausa tindakan plaintif adalah berasaskan alegasi

kosong tidak boleh dilayan sama ada di sisi undang-undang dan/ atau disisi ekuiti, remeh, mengaibkan dan menyusahkan dan seharusnya dibatalkan.

[18] Plaintif telah memulakan keseluruhan empat (4) tindakan guaman terhadap defendan iaitu Saman Pemula No. 24(L)-49 Tahun 2008; Saman Pemula No. 24(L)-50 Tahun 2008; Saman Pemula No. 24(L)-51 Tahun 2008 dan Saman Pemula No. 24(L)-52 Tahun 2008 berasaskan kausa tindakan yang sama dan memohon relif-relif yang sama untuk estet-estet keluarga walaupun dibahagikan empat (4) kelompok iaitu Hock Seng Estate, Oil Palm Estate G 4034, EMR 837 dan Kebun Getah GHS 2433, 2434, 2444, 2445 & 2446. Adalah dihujahkan bahawa plaintif sepatutnya memfailkan satu (1) tindakan bukan empat (4) tindakan berasingan terhadap defendan kerana kausa tindakan adalah sama menjadikannya "multiplicity of proceeding" dan menyalahgunakan proses mahkamah.

[19] Walaupun terdapat satu pendaftaran seseorang sebagai pekongsi ataupun pembahagian keuntungan yang merupakan bukti *prima facie* ia bukanlah suatu bukti konklusif kerana pada asasnya, mahkamah harus menyiasat niat pihak-pihak untuk memutuskan akan kewujudan satu perkongsian. Di sini tiada sebarang "form and substance" antara plaintif dan defendan untuk mewujudkan satu perkongsian yang dikenali sebagai Hock Seng Estate. Pendaftaran Hock Seng Estate hanyalah untuk tujuan melaporkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ketiadaan mesyuarat sepanjang masa 21 tahun semenjak pendaftaran pada tahun 1985 jelas tiada niat untuk satu perkongsian. Bahkan pembahagian pendapatan/hasil dari tanah-tanah yang dikelompokkan di bawah nama Hock Seng Estate adalah mengikut bahagian kepunyaan pemilik-pemilik bersama berdaftar bagi tanah-tanah tersebut dan bukannya satu perkongsian.

[20] Setelah meneliti afidavit-afidavit yang diikrarkan oleh kedua-dua pihak, serta hujahan yang dikemukakan, saya berpendapat bahawa Hock Seng Estate adalah satu perkongsian. Justeru, saya akan membentangkan alasan-alasan termasuk isu-isu sampingan yang berbangkit seperti berikut:

a) Sama ada plaintif mempunyai kedudukan di sisi undang-undang untuk memulakan tindakan

Saya tidak bersetuju dengan hujahan peguamcara defendan yang merujuk kepada A. 77 k. 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("KMT 1980") kerana A. 77 k. 1 KMT 1980 tersebut adalah berhubung guaman oleh sesuatu perkongsian terhadap pihak ketiga atau oleh pihak ketiga terhadap sesuatu perkongsian. Seterusnya kes *Akitek Bersatu v. Sempurna Cekap Sdn Bhd* [2004] 7 CLJ 217 juga bukannya suatu kes yang melibatkan guaman antara pekongsi-pekongsi dalam satu perkongsian di bawah Akta Perkongsian 1961 sebagaimana dalam kes ini.

Peguamcara defendan juga telah merujuk kepada petikan dari *Lindley & Bank on Partnership, Sweet & Maxwell*, 16th edn 1990 di ms 508 di mana saya berpendapat ianya tidak terpakai kepada tindakan ini sebaliknya, Lord Lindley telah menjelaskan bahawa "all proceeding … which had for their object the enforcement of the mutual rights and obligations of partners, had to be taken by some or one of the members of a firm individually against some other or other of them individually" adalah jelas membenarkan plaintif memulakan tindakan ini.

b) Sama ada plaintif telah memulakan tindakan ini dengan cara yang betul

Saya berpendapat, sebagai seorang pekongsi, plaintif sememangnya berhak memohon perintah dan/atau relif tanpa perlu bergantung kepada apa-apa tindakan frod atau pecah amanah.

Seksyen 30 Akta Perkongsian 1961 memperuntukkan:

> Partners are bound to render true accounts and full information of all things affecting the partnership to any partner or his legal representatives.

Adalah jelas, bersandarkan kepada s. 30 Akta Perkongsian 1961, seorang pekongsi berhak kepada akaun seperti mana yang telah diputuskan dalam kes *Mascom (M) Sdn Bhd & Anor v. Kamawang Enterprise Sdn Bhd & Anor* [2006] 4 CLJ 775 di ms 785 yang menyatakan:

A We agreed with the respondent's counsel that so long *as there was a partnership,* which in the appeal the appellant's counsel conceded the existence of, *the respondents were entitled to an account by virtue of s. 30 of the Partnership Act 1961 and that the allegations of fraud were not a preliminary question to be tried before the taking of account could be ordered because the claim to an account was not founded on* B *those allegations but on the duty of partners in any event to render true account.*

Seterusnya dalam kes *Tham Kim Fai v. Ng Kon Seong* [2006] 4 CLJ 634, Abdul Malik Ishak H (sebagaimana beliau ketika itu) di C ms 643 menyatakan:

Section 30 of the said Act enacts as follows:

Duty of partners to render accounts, etc.

D 30. Partners are bound to render true accounts and full information of all things affecting the partnership to any partner or his legal representatives.

It triggers the principle of uberrimae fidei where each partner must deal with his fellow partners honestly and disclose any relevant fact E *when dealing with them. It is sufficient to show that there is a failure to disclose and the breach of the duty as set out in s. 30 of the said Act would be put into motion. There is even no necessity to prove fraud or negligence in order to invoke s. 30 of the said Act.*

F Oleh itu, hujahan peguamcara defendan bahawa kausa tindakan frod dan/atau pecah amanah merupakan isu perbalahan yang harus dibuktikan melampaui keraguan munasabah secara perbicaraan penuh adalah tidak relevan kerana plaintif bergantung kepada suatu hak statutori dan bukan kepada fakta yang dikatakan dipertikaikan oleh defendan.

G

c) Sama ada plaintif telah menyalahguna proses mahkamah dengan memfailkan empat tindakan guaman terhadap defendan apabila keempat-empat tindakan tersebut melibatkan kausa tindakan yang sama dan memohon H **relif-relif yang sama**

Berdasarkan fakta kempat-empat guaman tersebut adalah berhubung perkongsian yang berlainan seperti berikut:

I

Saman Pemula No	Nama Perkongsian
24-49-2008	Hock Seng Estate
24-50-2008	Hock Seng Estate
24-51-2008	Oil Palm Estate G 4034 & EMR 837
24-52-2008	Kebun Getah GHS 2433, 2434, 2444, 2445 & 2446

d) Sama ada Hock Seng Estate adalah suatu perkongsian

Peguamcara defendan mendakwa bahawa tidak wujud perkongsian bernama Hock Seng Estate. Pada pendapat saya ini jelas bertentangan dengan fakta kerana Hock Seng Estate ada didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai sebuah perkongsian.

Malah defendan sendiri telah mengakui dalam akaun yang disediakannya yang ditandatangani, sebelum tindakan ini difailkan bahawa wujud perkongsian bernama Hock Seng Estate dan adanya keuntungan yang harus dibahagikan kepada pekongsi-pekongsi. Justeru defendan dihalang daripada mengatakan sebaliknya hanya dengan berasaskan kepada alegasi-alegasi tujuan laporan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, ketiadaan mesyuarat sepanjang 21 tahun. Cara pembahagian pendapatan tidak mengikut kepunyaan dalam pendaftaran perkongsian, tiada pembahagian apa-apa keuntungan yang diperolehi dari tanah-tanah tersebut, tiada penyertaan plaintif dalam urusan Hock Seng Estate, tanah-tanah yang dikelompokkan di bawah Hock Seng Estate adalah tanah warisan dan tiada sebarang perjanjian dikemukakan serta hubungan antara plaintif dan defendan adalah bersifat kekeluargaan.

Seterusnya saya berpendapat permohonan plaintif untuk melantik pekongsi lain untuk menguruskan Hock Seng Estate bersama defendan tidak dihalang oleh s. 26(g) Akta Perkongsian 1961 kerana permohonan plaintif bukanlah untuk pelantikan seorang pekongsi baru tetapi pekongsi-pekongsi yang sedia ada untuk menguruskan Hock Seng Estate.

A Pada pendapat saya, perkara-perkara yang dipohon oleh plaintif bukanlah suatu perkara kecil sebagaimana didakwa oleh peguamcara defendan, sebaliknya ia melibatkan suatu kedudukan di mana defendan mempunyai kawalan sepenuhnya dan menguruskan perkongsian secara suka hati sehingga B bayaran kepada defendan telah bertambah dari setahun ke setahun dan wang perkongsian disimpan dalam akaun peribadi defendan serta keuntungan tidak dibayar kepada pekongsi-pekongsi lain. Justeru plaintif berhak kepada relif-relif yang dipohon.

C

e) Sama ada mahkamah ini terikat kepada keputusan mahkamah dirinya sendiri dan Mahkamah Rayuan

Dalam kes 52-424-2005 Hakim Mahkamah Sesyen telah memutuskan bahawa Hock Seng Estate adalah satu D perkongsian. Rayuan defendan ke Mahkamah Tinggi telah ditolak. Kemudian permohonan defendan untuk kebenaran merayu di Mahkamah Rayuan juga telah ditolak. Dalam kes *United Oriental Assurance Sdn Bhd v. Penang Medical Centre Sdn Bhd* [1999] 2 CLJ 583 Mahkamah Rayuan dalam menolak E permohonan kebenaran merayu telah menyatakan:

> It is trite law and very well settled that an appellate court will not lightly interfere with the finding of the court below unless it can be shown the lower court had erred. In an F appeal to the Court of Appeal where leave is sought, the matter is still dealt with by the principles enunciated in *Pang Hon Chin v. Nahar Singh* [1986] 2 MLJ 145 where justice Edgar Joseph Jr (as he then was) held that leave can only be given "where the applicant is able to demonstrate a *prima facie* of error". We find no such error. For reasons G given as stated above, we dismissed this application for leave to appeal with cost.

Oleh itu, penentuan kehakiman dalam Saman No. 52-424-2005 yang berakhir dengan permohonan defendan untuk kebenaran H merayu ditolak oleh Mahkamah Rayuan serta keputusan mahkamah ini yang membenarkan Saman Pemula No. 24(L)-49-2008 adalah mengikat mahkamah ini.

I

Kesimpulan

[21] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya memutuskan untuk membenarkan permohonan saman pemula plaintif di lampiran 2 dengan kos sebanyak RM2,000.